

Rujukan kami: UMP.03.01/10.12/3 (51)

Tarikh: 7 Januari 2022

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.1 TAHUN 2022  
TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2022 BAGI UNIVERSITI  
MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.1 Tahun 2022 berkenaan Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2022 Bagi Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Memasyarakatkan Teknologi”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang



## PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2022

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato /YBhg. Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

### TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2022 BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2022 dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

#### 2.0 TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

2.1 Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2022 adalah seperti di **Lampiran 1** dan ditetapkan berdasarkan :

- (a) Pindaan Arahan Perbendaharaan (AP) 105: Tarikh Membayar Emolumen dan Pencen yang berkuat kuasa 1 Jan 2022;
- (b) Surat MOF.BKSK.600-2/13/1(1) bertarikh 29 Oktober 2021: Penetapan Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2022; dan

- (c) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2021 yang bertarikh 3 Nov 2021.

2.3 Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022, Arahan Perbendaharaan 105 menetapkan:

**105. Tarikh Membayar Emolumen dan Pencen**

(a) Kecuali sebagaimana dibenarkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri, emolumen tidak boleh dibayar sebelum 25 hari bulan dalam bulan emolumen itu kena dibayar. Pencen tidak boleh dibayar lebih awal dari empat (4) hari daripada tarikh pembayaran emolumen berkenaan.

Apabila perlu, Perbendaharaan yang bertanggungjawab boleh mengeluarkan cek bagi maksud ini sebelum 25 hari bulan dalam bulan itu, tetapi Jabatan yang menerima cek itu adalah dilarang daripada menukarkan kepada wang tunai atau membayarnya sehingga 25 hari bulan dalam bulan itu. Walau bagaimanapun, jika 25 hari bulan dalam bulan itu jatuh pada hari Sabtu atau Ahad bayaran boleh dibuat Oleh Jabatan pada hari kerja akhir sebelum hari Sabtu.

(b) Emolumen bulanan bagi pegawai awam boleh dibayar terdahulu dalam bulan jatuhnya Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina, Deepavali, jika hari perayaan itu jatuh selepas 15 hari bulan daripada tarikh pembayaran emolumen berkenaan dan Krismas yang jatuh pada 25 hari bulan Disember setiap tahun. Bagi bayaran emolumen bulan berikutnya, kawalan tempoh perbezaan hari emolumen dibayar setiap bulan ditetapkan maksimum 38 hari.

Mengikut budi bicara Akauntan Negara bagi pegawai yang ditanggung dalam anggaran Persekutuan dan mengikut budi bicara Akauntan Negeri atau Bendahari Negeri bagi pegawai yang

ditanggung dalam anggaran Negeri, bayaran boleh dilaksanakan tidak lebih daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh hari perayaan itu. Bagi pekerja yang bergaji hari, emolumen boleh dibayar lebih awal iaitu tidak lebih dari tujuh (7) hari sebelum tarikh hari perayaan yang berkenaan. Bagaimanapun, emolumen boleh dibayar hanya sehingga tarikh pembayaran emolumen dilakukan.

### **3.0 PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN**

- 3.1 Pekeliling Bendahari ini hendaklah dibaca bersama Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) Bab 8: Gaji Dan Bayaran Lebih Masa yang masih berkuatkuasa;
- 3.2 Jabatan Pendaftar hendaklah memastikan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin. 1/2019) dikemukakan beserta dokumen sokongan mengikut tarikh yang ditetapkan bagi mengelak sebarang kelewatan;
- 3.3 Staf dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan permohonan dan kelulusan tuntutan kerja lebih masa secara dalam talian melalui e-community UMP dan hendaklah mematuhi peraturan tuntutan lebih masa yang berkuatkuasa;
- 3.4 Semua permohonan atau arahan potongan gaji hendaklah lengkap dan tepat dengan nama, nombor staf, nombor kad pengenalan baru dan maklumat-maklumat potongan;
- 3.5 Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari akan diproses bermula pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya sementara tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya;

3.6 Staf digalakkan menghubungi sendiri Jabatan Bendahari seperti berikut

Unit Gaji Dan Kemudahan Staf

Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan

Jabatan Bendahari

No Tel: 09-424 5320/5348/5362

Email : wages@ump.edu.my


#### 4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.

#### "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

*"Memasyarakatkan Teknologi"*

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 7 Januari 2022.

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang

LAMPIRAN 1

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
JADUAL PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2022 (KUMPULAN 1)

BULAN	TARIKH GAJI	HARI	CATATAN & NOTA	TARIKH AKHIR	
				R.O.C/ KEW 8	OT
JANUARI	25.01.2022	SELASA		10.01.2022 ISNIN	04.01.2022 SELASA
FEBRUARI	25.02.2022	JUMAAT	1hb. (Selasa) & 2hb. (Rabu) TAHUN BAHARU CINA	10.02.2022 KHAMIS	04.02.2022 JUMAAT
MAC	25.03.2022	JUMAAT		10.03.2022 KHAMIS	04.03.2022 JUMAAT
APRIL	25.04.2022	ISNIN		11.04.2022 ISNIN	04.04.2022 ISNIN
MEI	25.05.2022	RABU	3hb. (Selasa) & 4hb. (Rabu) HARI RAYA PUASA 30hb. (Isnin) & 31hb. (Selasa) HARI PESTA KAAMATAN	10.05.2022 SELASA	04.05.2022 RABU
JUN	24.06.2022	JUMAAT	1hb. (Rabu) & 2hb. (Khamis) HARI GAWAI	09.06.2022 KHAMIS	03.06.2022 JUMAAT
JULAI	25.07.2022	ISNIN	10hb. (Ahad) & 11hb. (Isnin) HARI RAYA HAJI	11.07.2022 ISNIN	04.07.2022 ISNIN
OGOS	25.08.2022	KHAMIS		10.08.2022 RABU	04.08.2022 KHAMIS
SEPTEMBER	23.09.2022	JUMAAT		08.09.2022 KHAMIS	02.09.2022 JUMAAT
OKTOBER	18.10.2022	SELASA	24hb. (Isnin) HARI DEEPAVALI	03.10.2022 ISNIN	04.10.2022 ISNIN
NOVEMBER	25.11.2022	JUMAAT		10.11.2022 KHAMIS	04.11.2022 JUMAAT
DISEMBER	19.12.2022	ISNIN	25hb. (Ahad) HARI KRISMAS	05.12.2022 ISNIN	02.12.2022 JUMAAT

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG****JADUAL PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2022 (KUMPULAN 2)**

<b>BULAN</b>	<b>TARIKH GAJI</b>	<b>HARI</b>	<b>CATATAN &amp; NOTA</b>	<b>TARIKH AKHIR (R.O.C)</b>
<b>JANUARI</b>	09.02.2022	<b>RABU</b>	Mengikut SPANM BIL. 5/2021 Perkara 3.3: Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari (7 Hari Bekerja)	01.02.2022 <b>SELASA</b>
<b>FEBRUARI</b>	09.03.2022	<b>RABU</b>		01.03.2022 <b>SELASA</b>
<b>MAC</b>	08.04.2022	<b>JUMAAT</b>		01.04.2022 <b>JUMAAT</b>
<b>APRIL</b>	09.05.2022	<b>ISNIN</b>		29.04.2022 <b>JUMAAT</b>
<b>MEI</b>	09.06.2022	<b>KHAMIS</b>		01.06.2022 <b>RABU</b>
<b>JUN</b>	08.07.2022	<b>JUMAAT</b>		01.07.2022 <b>JUMAAT</b>
<b>JULAI</b>	09.08.2022	<b>SELASA</b>		02.08.2022 <b>SELASA</b>
<b>OGOS</b>	09.09.2022	<b>JUMAAT</b>		01.09.2022 <b>KHAMIS</b>
<b>SEPTEMBER</b>	07.10.2022	<b>JUMAAT</b>		03.10.2022 <b>ISNIN</b>
<b>OKTOBER</b>	09.11.2022	<b>RABU</b>		01.11.2022 <b>SELASA</b>
<b>NOVEMBER</b>	09.12.2022	<b>JUMAAT</b>		01.12.2022 <b>KHAMIS</b>
<b>DISEMBER</b>	09.01.2023	<b>ISNIN</b>		02.01.2023 <b>ISNIN</b>